

08/08/2002

Air: Singapura cari helah promosi NeWater

Rohaniza Idris; Munaarfah Abu Bakar; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Langkah Singapura untuk tidak memperbaharui kontrak perjanjian pembelian air dengan Malaysia sebenarnya satu taktik bagi mempromosikan air 'NeWater' yang dihasilkan daripada kumbahan menggunakan teknologi terbaru.

Pengumuman mengenai hasrat Singapura itu dikemukakan kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin yang menemui Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dalam lawatan kerja ke republik itu berakhir semalam.

Malah, pengumuman itu juga dilihat sebagai taktik untuk tidak membayar lebih bagi setiap gelen air yang disalurkan ke republik itu.

Muhyiddin yang ditemui selepas sidang akhbar di kementeriannya berkata, beliau diberitahu Goh mengenai hasrat Singapura untuk tidak memperbaharui kontrak perjanjian air dengan Malaysia.

Katanya, beliau berkunjung ke Singapura bukan untuk berbincang mengenai air sebaliknya membuat tinjauan di atas beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Bagaimanapun, katanya Goh dan Timbalan Perdana Menteri Singapura menjemput beliau ke kediaman rasmi masing-masing.

"Saya tidak berbincang mengenai isu air dengan Goh kerana itu di luar bidang kuasa saya. Saya dijemput mungkin kerana ahli jemaah menteri selain jawatan sebagai Naib Presiden Umno atau mungkin juga Goh sudah lama mengenali saya kerana pernah menjadi Menteri Besar Johor.

"Saya hanya mendengar apa yang Goh katakan dan ia sudah pun saya laporkan kepada mesyuarat jemaah menteri hari ini," katanya mengulas mengenai isu air ketika lawatannya ke republik itu yang berakhir semalam.

Muhyiddin berkata, Goh menjelaskan secara terperinci mengenai langkah negara itu untuk tidak memperbaharui kontrak pembelian air daripada Malaysia selepas perjanjian itu tamat 2011.

Katanya, beliau meminta penjelasan Goh bagaimana Singapura hendak menampung kehilangan 100 juta gelen air sehari yang dibekalkan oleh Malaysia sejak 1925.

"Goh menjelaskan Singapura akan menggunakan NeWater yang didakwa olehnya boleh menampung sehingga 200 bilion setahun untuk keperluan republik itu," katanya.

Beliau berkata, semua penjelasan mengenai isu air itu sudah dikemukakan kepada jemaah menteri dan Perdana Menteri.

Katanya, beliau percaya apa yang dikemukakan oleh Goh kepada beliau akan dibawa oleh pegawai daripada republik itu untuk perbincangan selanjutnya mengenai perjanjian air kedua-dua negara pada masa depan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, Singapura boleh berhenti membeli air dari Malaysia sekarang tanpa perlu menunggu sehingga 2011 kerana penjualan komoditi itu sejak 75 tahun lalu tidak memberi keuntungan kepada negara.

Katanya, air yang dijual Malaysia kepada Singapura pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) yang diguna pakai sejak 1927, tidak masuk akal sama sekali.

Malah, Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tidak pernah bergantung kepada Singapura untuk menjana pendapatannya melalui hasil penjualan air.

Exco Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Dr Zambry Abdul Kadir ketika mengulas perkara itu berkata, tidak wajar bagi republik itu menyamakan hubungannya berhubung isu perjanjian pembelian air dengan Malaysia sebagai satu

transaksi perniagaan biasa.

"Ini kerana realiti di sebalik perjanjian awal dibuat adalah atas dasar semangat setia kawan serta persefahaman dua negara yang pernah berkongsi sejarah yang sama," katanya.

Presiden Angkatan Belia Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman berkata, kedua-dua negara perlu bertolak ansur yang mana walaupun ia bukan isu baru, air menjadi penentu dasar luar republik itu terhadap negara ini.

"Isu air ini sudah banyak kali timbul dan ia perlu diselesaikan dalam semangat Asean dan negara jiran," katanya.

Ketua Pemuda Umno Johor, Ayub Rahmat berkata, pergerakan itu berkongsi pendirian dengan Perdana Menteri berhubung isu perjanjian pembelian air dengan Singapura.